Pernyataan Majlis Penasihat Shariah Bank Negara Malaysia (MPS) dan Standard bawah Seksyen 29(1) Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 (APKI) dan Seksyen 33E(1) Akta Institusi Kewangan Pembangunan 2002 (AIKP) tentang Pembelian Inventori Berdasarkan Kontrak *Istisna`* Secara Selari

Bahagian I: Pernyataan MPS menurut seksyen 52(1)(a) Akta Bank Negara Malaysia 2009

MPS pada mesyuarat ke-245 bertarikh 23 Januari 2025 dan mesyuarat ke-247 bertarikh 29 April 2025, telah menetapkan bahawa cadangan struktur produk pembelian inventori berdasarkan kontrak *istisna`* secara selari adalah dibenarkan seperti yang berikut:

1. Struktur produk pembelian inventori melibatkan dua (2) urus niaga *istisna`* antara tiga (3) pihak berkontrak, iaitu Institusi Kewangan Islam (IKI), Pembeli Akhir dan Pengeluar yang merupakan pelanggan IKI:

   (i) Kontrak *istisna`* pertama adalah antara IKI dengan Pembeli Akhir, iaitu IKI bertindak sebagai penjual (*sani`*). Pengeluar bertindak sebagai wakil IKI untuk melaksanakan kontrak *istisna`* pertama dengan Pembeli Akhir; dan

   (ii) Kontrak *istisna`* kedua adalah antara IKI dengan Pengeluar, iaitu IKI merupakan pembeli (*mustasni`*), manakala, Pengeluar bertindak sebagai penjual (*sani`*).

2. Pelaksanaan struktur *istisna`* secara selari seperti yang dicadangkan perlu mematuhi syarat-syarat yang berikut:

   (i) Dua (2) kontrak *istisna`* tersebut perlu dilaksanakan secara terpisah dan tiada keterikatan antara keduanya. Pembatalan salah satu kontrak *istisna`* tidak boleh menyebabkan pembatalan kontrak *istisna`* yang satu lagi;

   (ii) Pengaturan *wakalah* antara IKI dengan Pengeluar untuk melaksanakan kontrak *istisna`* pertama perlu terpisah dengan kontrak *istisna`* kedua dan tiada keterikatan antara keduanya. Pembatalan kontrak *istisna`* kedua tidak boleh menggugurkan tanggungjawab IKI dalam kontrak *istisna`* pertama; dan

   (iii) Sekiranya struktur *istisna`* secara selari tersebut melibatkan pengaturan kontrak *kafalah* (jaminan) daripada Pengeluar, maka pelaksanaan kontrak *kafalah* tersebut perlu terpisah daripada kontrak-kontrak lain.

Bahagian II: Peruntukan Undang-Undang dan Pemakaiannya

2.1. Bahagian 1 Pernyataan MPS ini dibuat menurut seksyen 52(1)(a) Akta Bank Negara Malaysia 2009 (ABNM) dan seksyen 55(2)(a) ABNM.

2.2. Bank Negara Malaysia menetapkan Bahagian 1 Pernyataan MPS ini sebagai standard di bawah seksyen 29(1) APKI dan seksyen 33E(1) AIKP, berkuat kuasa pada 17 Oktober 2025 dan terpakai pada IKI berikut:

(i) bank Islam berlesen bawah APKI;

(ii) bank berlesen dan bank pelaburan berlesen yang diluluskan di bawah seksyen 15(1) Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 (APK) untuk menjalankan perniagaan perbankan Islam; dan

(iii) institusi yang ditetapkan dan diluluskan di bawah seksyen 33B(1) AIKP untuk menjalankan perniagaan kewangan Islam.

Bahagian III: Latar Belakang

3.1. Produk pembelian inventori yang menggunakan kontrak *istisna`* secara selari merupakan produk pembiayaan modal kerja patuh Syariah. Pembelian ini melibatkan pembelian inventori masa hadapan oleh IKI daripada Pengeluar bersandarkan pada pesanan belian oleh Pembeli Akhir.

3.2. Berdasarkan pesanan belian tersebut, IKI akan membuat sebahagian daripada bayaran pendahuluan kepada Pengeluar sebagai modal kerja untuk memulakan kerja pemprosesan barang yang dipesan sebelum dihantar kepada IKI dan seterusnya kepada Pembeli Akhir.


3.3. Antara ciri unik yang ditawarkan melalui produk ini ialah pembiayaan yang diberikan kepada Pengeluar tidak akan direkodkan sebagai hutang jangka pendek dalam penyata kewangan Pengeluar. Sebaliknya, pembiayaan ini akan direkodkan sebagai liabiliti semasa iaitu bayaran pendahuluan yang diterima daripada IKI untuk penghantaran aset pada masa hadapan yang mencerminkan urus niaga *istisna`* sebenar.

Struktur Produk Pembelian Inventori Berdasarkan Kontrak Istisna` Secara Selari

3.4. Struktur produk ini melibatkan dua (2) urus niaga *istisna`* antara tiga (3) pihak berkontrak, iaitu IKI, Pembeli Akhir dan Pengeluar yang merupakan pelanggan IKI.

Urus Niaga Istisna` Pertama


3.5. Apabila terdapat pesanan belian daripada Pembeli Akhir, Pengeluar akan menyerahkan pesanan belian tersebut kepada IKI untuk penilaian dan kelulusan pembiayaan. Sekiranya diluluskan, IKI akan melantik Pengeluar sebagai wakil yang tidak didedahkan (*undisclosed agent*) untuk melaksanakan kontrak *istisna`* pertama dengan Pembeli Akhir. Sila rujuk **Rajah 1** bagi ilustrasi kontrak *istisna`* pertama.



Rajah 1: Ilustrasi kontrak *istisna`* pertama

Urus Niaga Istisna` Kedua

3.6. Seterusnya, IKI akan melaksanakan kontrak *istisna`* kedua dengan Pengeluar dan membayar sebahagian daripada harga *istisna`* kedua secara tunai sebagai modal kerja bagi membiayai kerja pemprosesan aset *istisna`*. Sila rujuk **Rajah 2** bagi ilustrasi kontrak *istisna`* kedua.



Rajah 2: Ilustrasi kontrak *istisna`* kedua

Penyerahan Aset Istisna` setelah Aset Siap

3.7. Apabila aset *istisna`* telah siap, Pengeluar sebagai wakil IKI bertanggungjawab untuk memaklumkan kepada IKI dan melakukan pemeriksaan terhadap kualiti aset untuk memastikan aset tersebut menepati spesifikasi pesanan belian sebelum melakukan penyerahan.

3.8. Apabila aset telah disahkan menepati spesifikasi, Pengeluar akan menyerahkan pegangan aset tersebut kepada IKI secara konstruktif (*qabd hukmi*) bagi menyempurnakan obligasinya dalam kontrak *istisna`* kedua. Setelah mempunyai pegangan konstruktif ke atas aset, IKI sekali lagi melantik Pengeluar sebagai wakilnya untuk melakukan penyerahan aset *istisna`* kepada Pembeli Akhir bagi menyempurnakan obligasinya dalam kontrak *istisna`* pertama.

3.9. Pengeluar akan mengeluarkan invois kepada Pembeli Akhir bagi pihak IKI dan Pembeli Akhir perlu membayar harga jualan *istisna`* pertama secara langsung kepada IKI. IKI seterusnya akan membayar baki tertunggak harga *istisna`* kedua kepada Pengeluar.

Pengaturan Kontrak Jaminan (Kafalah) oleh Pengeluar bagi Pihak Pembeli Akhir

3.10. Pelaksanaan produk pembelian inventori ini juga boleh melibatkan kontrak jaminan (*kafalah*) daripada Pengeluar bagi menjamin pembayaran harga *istisna`* pertama oleh Pembeli Akhir kepada IKI. Dalam hal ini, IKI dan Pengeluar akan melaksanakan kontrak *kafalah* secara berasingan bagi tujuan tersebut.

Bahagian IV: Perbincangan Utama

Mekanisme Pelaksanaan Kontrak *Istisna`* Pertama dan *Istisna`* Kedua yang Disertai Pelaksanaan Kontrak *Wakalah* dengan Pihak yang Sama (Pengeluar)

4.1. Sebagaimana yang dinyatakan dalam perenggan 3.5, bagi tujuan pelaksanaan kontrak *istisna`* pertama antara IKI (*sani`*) dengan Pembeli Akhir (*mustasni`*), Pengeluar akan bertindak sebagai wakil IKI yang tidak didedahkan. Skop tugas Pengeluar sebagai wakil ini turut melibatkan tanggungjawab untuk menyerahkan aset *istisna`* kepada Pembeli Akhir pada tarikh matang.

4.2. Pada masa yang sama, IKI akan turut melaksanakan kontrak *istisna`* kedua dengan Pengeluar sebagai pembeli (*mustasni`*) yang meletakkan obligasi ke atas Pengeluar sebagai penjual (*sani`*) untuk menyerahkan aset *istisna`* kepada IKI pada masa akan datang. Kegagalan Pengeluar dalam menyerahkan aset *istisna`* pada tarikh matang boleh menjejaskan keupayaan IKI untuk menyerahkan aset tersebut kepada Pembeli Akhir seperti yang dikehendaki dalam kontrak *istisna`* pertama.

4.3. Sehubungan itu, persoalan timbul sama ada terdapat kebergantungan antara kontrak *istisna`* pertama dan *istisna`* kedua yang disebabkan oleh pengaturan *wakalah* tersebut. Secara prinsip, Syariah menetapkan keperluan bagi pihak berkontrak dalam urus niaga *istisna`* untuk menanggung risiko berkaitan pengeluaran dan penyerahan aset *istisna`* kepada pembeli.

4.4. Dalam hal ini, bagi mencerminkan urus niaga sebenar, IKI perlu menanggung risiko sebagai penjual dalam kontrak *istisna`* pertama. Oleh itu, sekiranya Pengeluar gagal menyerahkan aset *istisna`* pada tarikh matang, hal ini tidak boleh menggugurkan obligasi IKI sebagai penjual di bawah kontrak *istisna`* pertama.

4.5. Selain itu, obligasi dan liabiliti pihak-pihak berkontrak dalam setiap kontrak yang dilaksanakan perlu dinyatakan dan dipisahkan secara jelas bagi mengelakkan keterikatan antara satu sama lain yang boleh menjejaskan sifat asas kontrak tersebut.

Pengaturan Kontrak *Kafalah* dan *Istisna`*

4.6. Secara prinsip, tiada halangan Syariah bagi pihak ketiga untuk menjamin komitmen pembayaran dalam suatu urusan jual beli antara dua pihak berkontrak.

4.7. Walau bagaimanapun, isu Syariah boleh timbul sekiranya jaminan tersebut diberikan oleh Pengeluar yang menjadi wakil IKI dalam kontrak *istisna`* pertama dan juga penjual dalam

kontrak *istisna`* kedua. Hal ini kerana keadaan ini mungkin kelihatan seolah-olah semua risiko urus niaga dipindahkan kepada pihak Pengeluar yang seterusnya boleh menjejaskan sifat kontrak *istisna`*.

4.8. Oleh itu, bagi mengelakkan isu Syariah, pengaturan kontrak *istisna`* secara selari dan *kafalah* perlu dilaksanakan secara terpisah.

Bahagian V: Asas Pertimbangan

Keperluan Syariah dalam Pelaksanaan Dua Urus Niaga *Istisna`* Secara Terpisah dan Tanpa Keterikatan antara Keduanya

5.1. Berdasarkan sumber-sumber Syariah, terdapat larangan jelas berhubung dengan pelaksanaan dua urus niaga dalam satu kontrak yang menyebabkan kebergantungan dua kontrak tersebut antara satu sama lain. Hal ini adalah sebagaimana dinyatakan dalam hadith Rasulullah SAW seperti yang berikut:

عن أبي هريرة رضي الله عنه قال: نهى رسول الله صلى الله عليه وسلم عن بيعتين في بيعة.

"Daripada Abu Hurairah berkata: Rasulullah SAW melarang dua jual beli dalam satu (akad) jual beli." [1]

5.2. Selain itu, pelaksanaan dua urus niaga *istisna`* secara terpisah juga dapat memastikan risiko dan tanggungjawab setiap pihak berkontrak ditakrifkan dengan jelas dan setiap pihak melaksanakan obligasi masing-masing. Elemen penanggungan risiko ini penting kerana elemen ini merupakan asas bagi mengiktiraf kelayakan pihak berkontrak untuk memperoleh keuntungan daripada sesuatu urus niaga. Hal ini adalah sebagaimana yang dinyatakan dalam hadith Rasulullah SAW serta beberapa kaedah fiqah seperti yang berikut:

عن عمرو بن شعيب عن أبيه عن جده قال: قال رسول الله صلى الله عليه وسلم: نهى عن سلف وبيع وعن شرطين في بيع واحد وربح ما لم يضمن.

"Daripada `Amru bin Shuaib daripada bapanya daripada datuknya: Sesungguhnya Rasulullah SAW melarang penggabungan salaf (hutang) dengan jual beli dua akad dalam satu transaksi (jual beli), dan keuntungan tanpa ada jaminan (tanpa mengambil risiko)."[2]

عن عائشة رضي الله عنها أن رسول الله صلى الله عليه وسلم قضى أن الخراج بالضمان

"Daripada Aisyah bahawa Rasulullah SAW memutuskan hasil (atau keuntungan) diperoleh bersama tanggungan risiko"[3]

---

[1] Abu Daud, *Sunan Abi Daud,* Dar al-Risalah al-`Alamiyyah, 2009, j. 5, h. 329, al-Tirmidhi, *Sunan al-Tirmdhi,* Dar al-Gharb al-Islami, 1996, j. 2, h. 513 dan al-Nasa'i, *Sunan al-Nasa'i,* Maktab al-Matbu`at al-Islamiyyah, 1986, j. 7, h. 295. Al-Tirmidhi menghukumkan hadis ini sebagai hasan sahih.

[2] Al-Nasa'i, *Sunan al-Nasa'i,* Maktab al-Matbu`at al-Islamiyyah, 1986, j. 7, h. 295 dan Ibn Majah, *Sunan Ibn Majah,* Dar al-Jil, 1998, j. 3, h. 541. Al-Albani menghukumkan hadis ini sebagai hasan sahih.

[3] Abu Daud, *Sunan Abi Daud,* Dar al-Risalah al-`Alamiyyah, 2009, j. 5, h. 368, al-Tirmidhi, *Sunan al-Tirmidhi,* Dar al-Gharb al-Islami, 1996, j. 2, h. 56, al-Nasa'i, *Sunan al-Nasa'i,* Maktab al-Matbu`at al-Islamiyyah, 1986, j. 7, h. 255 dan Ibn Majah, *Sunan Ibn Majah,* Dar al-Jil, 1998, j. 3, h. 576. Al-Tirmidhi menghukumkan hadis ini sebagai hasan sahih.

الغرم بالغنم

"Liabiliti adalah (berkadaran) dengan ganjaran."[4]

Keharusan Pengaturan Kontrak *Kafalah* dengan *Istisna`*

5.3. Secara prinsip, *kafalah* ialah kontrak yang diterima pakai secara meluas bagi menjamin suatu liabiliti termasuk liabiliti yang terhasil daripada suatu urus niaga jual beli. Terdapat beberapa dalil yang menyatakan tentang pensyariatannya seperti yang berikut:

وَلِمَن جَآءَ بِهِۦ حِمْلُ بَعِيرٍ وَأَنَا۠ بِهِۦ زَعِيمٌ

"Dan sesiapa yang membawanya akan diberi balasan (seberat) sepenuh beban seekor unta, dan akulah yang menjamin pemberiannya"[5]

عن أبي إمامة الباهلي رضي الله عنه قال: سمعت رسول الله صلى الله عليه وسلم يقول: الزعيم غارم، والدين مقضي

" Daripada Abu Umamah al-Bahili berkata: aku mendengar Rasulullah SAW bersabda: penjamin bertanggungjawab atas hutang yang dijaminnya dan hutang tersebut wajib dilunaskan "[6]

Bahagian VI: Implikasi Pernyataan MPS

6.1. Pernyataan MPS ini memberikan kejelasan mengenai pengaturan *istisna`* secara selari dalam produk kewangan Islam yang memenuhi keperluan-keperluan Syariah.

6.2. Pernyataan MPS ini perlu turut dibaca bersama-sama dengan Dokumen Dasar *Istisna`* yang diterbitkan pada 23 Disember 2015.

Sekiranya terdapat sebarang percanggahan antara versi bahasa Inggeris dengan bahasa Melayu, versi bahasa Melayu akan diutamakan.

[4] *Majallah al-Ahkam al-`Adliyyah,* h. 26.
[5] Surah Yusuf, ayat 72.
[6] Abu Daud, *Sunan Abi Daud,* Dar al-Risalah al-`Alamiyyah, 2009, j. 5, h. 41 , al-Tirmidhi, *Sunan al-Tirmdhi,* Dar al-Gharb al-Islami, 1996, j. 2, h. 544, dan Ibn Majah, *Sunan Ibn Majah,* Dar al-Jil, 1998, j. 4, h. 67. Disahihkan oleh Ibn Hibban dan al-Albani.